



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 MAC 2018 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- Masyarakat perlu diberi pendedahan pencegahan kebakaran 21



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 13 MAC 2018 (SELASA)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Masyarakat perlu diberi pendedahan pencegahan kebakaran
Muka Surat	21

Masyarakat perlu diberi pendedahan pencegahan kebakaran

UKAY PERDANA - Masyarakat perlu diberikan pendedahan secukupnya berhubung cara-cara mengawal dan memadam kebakaran sebagai langkah pencegahan awal sebelum anggota bomba tiba di lokasi kejadian.

Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin berkata, tugas memadamkan kebakaran pada peringkat awal harus dipikul bersama oleh masyarakat.

"Penubuhan pasukan bomba sukarela di setiap kawasan termasuk premis bertingkat juga perlu diwujudkan kerana peranan dan fungsi pasukan itu penting dalam usaha membantu mengawal lebih awal sama ada melibatkan kebakaran mahu pun bencana lain," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan menyalurkan 40 alat pemadam api kepada wakil setiap taman perumahan dan bangunan bertingkat di Ukay Perdana termasuk surau.

"Ini merupakan sumbangan pejabat

Ahli Parlimen Ampang untuk masyarakat di kawasan ini, isu mengenai kekurangan dan ketiadaan alat pemadam api harus ditangani segera," katanya.

Dalam perkembangan berasingan Zuraida memaklumkan mesyuarat penyelarasan telah diadakan bersama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bagi melaksanakan beberapa tindakan terhadap aduan masyarakat di kawasan ini.

"Beberapa isu yang dibangkitkan adalah isu denggi dan penebangan pokok besar, tindakan segera sudah diambil oleh pihak berkuasa tempatan itu.

"Pengerusi persatuan penduduk juga boleh terus menghubungi pegawai dan pengarah MPAJ, tidak ada sekatan, tidak perlu melalui saya," katanya.

Zuraida juga melantik Ahmad Sabri Abu Bakar sebagai Ahli Majlis MPAJ Zon 5 untuk membantu dalam tugas penyelarasan aduan penduduk yang berkaitan MPAJ dan agensi kerajaan yang lain.



Zuraida bergambar dengan masyarakat selepas sumbangan alat pemadam api.